

Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed



peribadi penulis berpandangan mereka cukup berani, memiliki bakat yang luar biasa, sanggup melakukan apa saja untuk memenuhi kehendak dan naluri serta hanya mengikut trend semasa dengan menyahut pelbagai cabaran yang berisiko tinggi. Mereka tidak melihat tindakan seperti ini sebagai satu perbuatan yang salah di sisi undang-undang kerana bagi mereka tindakan ini sama sekali tidak mengganggu atau menyusahkan orang lain.

Ringkasnya, mereka buat aksi ini hanya untuk suka-suka, mungkin juga untuk memenuhi cabaran dan mahu mengecapi sedikit rasa popular dalam kalangan rakan serta kerana meminati aktiviti lasak, mendaki dan mencabar yang dekat dengan jiwa setiap remaja zaman ini. Justeru, penulis yakin mereka sekarang cukup kecewa dan rasa tertekan kerana menerima pelbagai cemuhan dan komen negatif daripada pelbagai pihak, termasuk terpaksa

**FAKTA**  
Empat aksi remaja yang memanjat dan berswafoto tular di media sosial mendapat reaksi masyarakat

berhadapan dengan tindakan pihak berkuasa. Kita boleh bayangkan perasaan kecewa mereka sekarang yang langsung tidak menyangka aksi spontan dan suka-suka mereka itu mengundang reaksi sebegini.

Penulis berpandangan janganlah kita terus menghukum dan mencera mereka. Betul, tindakan mereka tetap salah dan tidak wajar dilakukan kerana boleh membahayakan nyawa serta mencero kawasan larangan, namun kita juga wajar memahami tuntutan gelora jiwa anak muda seperti ini. Perlu ingat lagi kita halang, lagi mereka akan memberontak dan cuba buat benda seperti ini. Maka kita perlu tangani isu ini dengan bijak. Yang pasti raikan keberanian dan kecekalan hati mereka serta hormati bakat serta minat yang ada terhadap aktiviti lasak. Jangan terus menjatuhkan hukuman sehingga mengganggu emosi dan perasaan kelompok ini.

Dalam konteks ini apa yang penting sekarang ialah, kita wajar bimbing serta sedarkan mereka dan juga belia lain di luar sana terlebih dahulu tentang kesan dan akibat negatif perbuatan berani tak bertempat seperti ini dengan pendekatan yang lebih



## Bantu remaja urus minat pelik

berhemah dan lembut. Ingatkan mereka betapa tempat tinggi bukan lokasi untuk bergurau senda atau berswafoto kerana risiko untuk berdepan dengan pelbagai kecelakaan adalah tinggi serta kita perlu mematuhi SOP yang betul dan selamat. Maka elemen psikologi, nasihat dan mendidik cukup penting dalam menguruskan remaja seperti ini.

Kalau perlu hukum sekalipun biarlah ia bersifat dan bertujuan untuk mendidik dan bukannya kerana mahu menghukum melepaskan geras dan marah kita. Ringkasnya kita perlu membimbing dan bantu mereka urus minat pelik dan bakat luar biasa yang dimiliki. Hal ini penting kerana kita tidak mahu kumpulan anak muda negara ini kecewa dan mula menjauhkan diri dari kelompok masyarakat yang lain dengan tanggapan mereka disisihkan ataupun tidak difahami oleh anggota masyarakat yang lebih dewasa.

Hakikatnya daripada sudut positif kita perlu berbangga kerana memiliki anak muda yang hebat dan berani seperti ini. Jadi marilah kita membantu mereka untuk menghalakan keberanian dan kehebatan serta minat



mendalam itu ke jalan yang betul dan lebih bermanfaat serta memberi faedah baik kepada diri mahupun kepada anggota masyarakat yang lain. Jujurnya agak sukar untuk kita mencari individu yang berani seperti ini di mana lazimnya selama ini aksi berbahaya seperti ini banyak dipertontonkan oleh remaja di negara luar.

Maka mengambil kira senario seperti ini serta kehendak dan tuntutan naluri

remaja anak muda negara ini, eloklah pihak berkuasa memikirkan pendekatan yang terbaik untuk menangani dan menguruskan bakat terpendam mereka. Sediakan platform untuk mereka terus mengasah dan mengembangkan lagi bakat dan ciri keberanian yang ada dalam diri masing-masing. Jangan sesekali sisihkan mahupun membazirkan kemahiran dan bakat luar biasa yang mereka miliki.



KREN tempat remaja mendaki yang tular di media sosial.

Apatah lagi sudah ada di antara mereka yang tampil mengakui kesilapan dan memohon maaf atas secara terbuka di atas perbuatan tersebut.

Apapun menjadi tanggungjawab kita menasihati dan memberi peringatan kepada semua belia agar jangan sampai berani tak bertempat, usah

ambil risiko dan terlalu mengejar glamor sehingga boleh mengancam keselamatan diri dan nyawa. Juga jangan sesekali melanggar apa jua peraturan dan undang-undang serta gunakan kemahiran yang ada ke arah meningkatkan nilai tambah diri sekali gus boleh memberi manfaat kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.